



DISISIMU JUA KU INGIN SELALU

Laporan harian di www.wilayahku.com.my
dan
media sosial Wilayahku

Kongsikan info dan cerita banjir anda kepada
helme.hanafi@gmail.com



Misi bantuan banjir KWP diteruskan di Pahang

HAZIRAH HALIM

SEJAJAR dengan konsep Aspirasi Keluarga Malaysia, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bersama agensi-agensinya di bawahnya terus komited menghulurkan bantuan dan mengatur gerak kerja bagi operasi membantu, menyelamatkan dan membersihkan kawasan-kawasan yang terkesan susulan banjir yang berlaku baru-baru ini.

Misi bantuan banjir KWP kali ini diteruskan ke negeri Pahang dengan menumpukan kepada kawasan-kawasan yang terkesan teruk iaitu Bentong, Mentakab dan Temerloh.

Menterinya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, operasi bantuan banjir di Bentong dimulakan hari ini manakala Temerloh dan Mentakab pula telah bermula operasinya pada 25 Disember lalu.

“KWP melalui Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menggerakkan dua buah lori, 20 buah pacuan empat roda, satu bot enjin, satu floater bot, satu enjin sangkut, sebuah gengset, 19 water jet, dua unit water pump dan tiga hose biru untuk kawasan terjejas di Temerloh dan Mentakab.

“Operasi ini tertumpu kepada pembersihan kawasan kemudahan awam antaranya di Masjid Kuala Kuang, Masjid Desa Bakti, Masjid Sri Semantan, Masjid Kampung Raja, Masjid Kampung Tebal, Masjid Kampung Bukit Lada, Taman Esplanade Temerloh dan Taman Tasik Bandar Temerloh,” jelasnya yang mahu memperluaskan misi ini ke daerah atau negeri lain dari semasa ke semasa.

Mengulas lanjut, Shahidan memberitahu, pembersihan kawasan terkesan di Bentong pula mendapat kerjasama bantuan kelengkapan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan PPj.

“DBKL menggerakkan tiga buah lori bersaiz lima tan, dua buah lori angkut, tiga buah lori tangki air, lima buah kenderaan jenis SUV atau van serta sebuah pacuan empat roda manakala PPj pula menyediakan lima buah SUV, dua gengset, tiga water pump dan 30 water jet bagi kerja-kerja pembersihan yang bermula hari ini di Taman Bukit Dinding dan Taman Wijaya serta kawasan berhampiran,” katanya.

Selain itu, KWP turut mengedarkan bakul-bakul makanan kepada keluarga yang terjejas akibat banjir di tiga kawasan terbabit.

Katanya, KWP akan terus bekerjasama dengan agensi kerajaan lain untuk memastikan kebajikan rakyat sentiasa dijaga dan menyerus syarikat swasta serta badan bukan kerajaan (NGO) untuk terus bersama berganding bahu membantu rakyat.

Terdahulu, Shahidan turun padang membantu membersihkan dan mencuci kawasan Taman Tasik Bandar Temerloh termasuklah kawasan parkir, dataran serta beberapa laluan utama yang dipenuhi lumpur selama enam jam, hari ini.

Lebih 300 kakitangan dan sukarelawan dari KWP, PPj, DBKL, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB), Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP) terlibat dalam misi bantuan kali ini. - **WILAYAHKU**

MISI BANTUAN BANJIR KWP, 27 DISEMBER 2021 OPERASI PKOB BENTONG BERMULA

Misi bantuan banjir KWP telah bersambung ke lokasi baharu yang bertempat di kawasan Karak, Daerah Bentong, Pahang. PKOB Bentong telah memulakan operasi rasmi pada 26 Disember 2021 dan mensasarkan Sepuluh (10) kawasan untuk dibersihkan dan dipulihkan melibatkan Masjid Karak Setia, Balai Polis Karak, SJK(T) Karak, Tadika Kemas Kampung Tanjung, Rumah OKU PKD Komuniti Bersamamu, Taman Permainan Taman Karak Setia, Surau Taman Wijaya, Taman Permainan Wijaya, Klinik Kesihatan Sungai 2 dan Dewan Orang Ramai Kg. Benus.

Operasi PKOB Bentong pada hari ini telah bergerak secara aktif dengan penglibatan petugas / sukarelawan daripada KWP, Pejabat Tanah & Galian W.P Kuala Lumpur dan Putrajaya, DBKL, PPj serta Yayasan Wilayah Persekutuan (PRIVO & Anjung Kelana) yang berjumlah 189 orang. Secara keseluruhannya, operasi pada hari ini telah berjaya membersihkan empat (4) kawasan sasaran iaitu Masjid Karak Setia, Klinik Kesihatan Sungai 2, Dewan Orang Ramai Kg. Benus. Operasi hari ini juga telah dijayakan bersama Task Force majlis Perbandaran Bentong yang bertempat



Kerja-kerja pembersihan di Klinik Kesihatan Sungai 2.



Kerja-kerja pembersihan di Masjid Karak Setia

di Klinik Kesihatan Sungai 2.

Selain itu, PKOB Bentong juga turut melaksanakan misi agihan 200 bakul makanan di PKOB Bentong (87) dan di beberapa kawasan tumpuan iaitu Kg. Teroh, Taman Karak Indah dan Taman Wijaya sebanyak 113.

Hari ini juga, PKOB Bentong turut menerima kunjungan daripada Pegawai Daerah Bentong yang melahirkan penghargaan kepada KWP dan agensi atas bantuan yang dihulurkan bagi kelangsungan dan kelestarian daerah ini.



Kunjungan daripada Peg. Daerah Bentong dan program agihan bakul makanan

#KWPbantu
#kitabantu
#KeluargaMalaysia

MISI BANTUAN BANJIR KWP, 26 DISEMBER 2021 OPERASI PKOB BUKIT CHANGGANG TAMAT DAN BERPINDAH OPERASI KE BENTONG, PAHANG



PKOB Bukit Changgang Tamat

PKOB Bukit Changgang telah menjalankan Misi Bantuan Banjir KWP di Bukit Changgang, Daerah Kuala Langat telah menghulurkan bantuan banjir semalam 6 hari bermula 22 Disember 2021. Sebanyak 12 kemudahan awam telah dibersihkan dan dipulih, air telah disurutkan melalui pengepaman air ke sungai langat, 200 bakul makanan telah diedarkan dan sampah-sampah juga telah berjaya dikurang.

Hari ini operasi PKOB Bukit Changgang telah diarahkan oleh YB Menteri untuk membantu Kawasan terjejas banjir di Bentong, Pahang. PKOB Bukit Changgang telah ditamatkan pada jam 12.00 tengahari hari ini. Penutupan PKOB Bukit Changgang telah dihadiri oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat, Penghulu Mukim Tanjung Dua Belas Dua, Ketua-ketua Kampung di Bukit Changgang dan petugas serta sukarelawan.

PKOB Bukit Changgang mengucapkan ribuan terima kasih diatas kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak yang terlibat terutamanya secara langsung atau tidak dalam menjayakan Misi Bantuan Banjir KWP di Bukit Changgang.



Konvoi PKOB Bukit Changgang ke Bentong

Pergerakan dari Bukit Changgang ke Bentong, Pahang pada jam 1.00 petang dengan kekuatan 80 petugas dari KWP, DBKL dan PPj. Semua peralatan dan jentera di PKOB Bukit Changgang ke PKOB Bentong.

YB Menteri Wilayah Persekutuan telah membuat lawatan pada jam 4.30 petang ke tapak

PKOB Bentong untuk meninjau persiapan dan perancangan operasi PKOB Bentong yang akan bermula pada 27 Disember 2021. 8 kawasan telah dikenalpasti sebagai Kawasan sasaran operasi PKOB Bentong melibatkan kerja-kerja pembersihan, pembuangan sampah dan agihan bakul makanan.



Tinjauan YBM ke PKOB Bentong

#KWPbantu
#kitabantu
#KeluargaMalaysia



KENYATAAN MEDIA

Pejabat Ketua Berkecuali Negeri
Ara 4, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Kompleks A, Jabatan Perdana Menteri
62502 Putrajaya

MESYUARAT *TASK FORCE* PENGURUSAN PASCA BANJIR DAN KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI GELOMBANG KEDUA BENCANA BANJIR

Mesyuarat *Task Force* Pengurusan Pasca Banjir dan Kesiapsiagaan Menghadapi Gelombang Kedua Bencana Banjir hari ini telah memutuskan perkara-perkara berikut:

Bantuan Wang Ihsan (BWI)

- a) BWI sebanyak RM1,000 kepada Ketua Isi Rumah (KIR) dan RM10,000 kepada waris mangsa bencana yang meninggal dunia telah disalurkan kepada pihak negeri;
- b) Bantuan ini diselaraskan di peringkat Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) dengan kerjasama Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri;
- c) Penyaluran BWI dilaksanakan melalui 3 kaedah iaitu sama ada;
 - i. Serahan tunai di PKOB; atau
 - ii. Serahan tunai rumah ke rumah; atau
 - iii. Pemindahan tunai secara atas talian (EFT).
- d) Kaedah ini dilaksanakan untuk mempermudah urusan penyaluran BWI kepada mangsa dengan lebih efektif dan pantas dengan hanya pengesahan oleh Ketua Komuniti yang dipertanggungjawabkan tanpa perlu mengisi sebarang borang permohonan;
- e) Sehingga 27 Disember 2021, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM34 juta untuk disalurkan kepada 34 ribu KIR di negeri-negeri yang terjejas banjir dan mula dibayar pada hari ini;

- f) Jumlah anggaran ini adalah berdasarkan maklumat KIR yang berdaftar di Pusat Penempatan Sementara (PPS); dan
- g) Usaha mengenalpasti mangsa yang tidak berdaftar sedang giat dilaksanakan oleh PKOB dan ICU untuk memastikan BWI dapat disalurkan dengan segera.

Pembersihan Pasca Banjir

- a) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengatur gerak sinergi aset-aset Kerajaan dan keperluan aset daripada pihak swasta / NGO / individu bagi pengurusan pembersihan pasca banjir;
- b) Usaha ini dibantu secara langsung oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) khususnya menerusi penyediaan stesen pemindahan sisa pepejal sementara yang dikenalpasti di kawasan terdekat dengan kawasan terjejas banjir secara transit; dan
- c) Polis Diraja Malaysia (PDRM) membantu memastikan kelancaran laluan jentera pembersihan untuk mempercepatkan penghantaran sisa pepejal pembersihan ke stesen yang ditetapkan.

Kawasan Angkat Kementerian / Jabatan / Agensi

- a) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menyelaras pembahagian kawasan angkat terjejas banjir kepada semua Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan; dan
- b) JPA turut menyelaras usaha mobilisasi anggota Perkhidmatan Awam bagi membantu kerja-kerja pembersihan dan kemanusiaan;

Pembaikan Infrastruktur Awam

Pembaikan segera infrastruktur asas seperti jalan perhubungan, tebatan banjir, pembentungan, saluran dan utiliti diselaraskan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) dan KASA melalui kaedah perolehan yang dipermudahkan bersama-sama Kementerian Kewangan (MOF) demi kepentingan awam.

Mekanisme Pengurusan Bencana

Mekanisme kesiapsiagaan bagi pengurusan bencana dan pasca bencana terus diteliti dan diperkemaskan tertakluk kepada arahan YAB Perdana Menteri dari semasa ke semasa.

Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Polis Negara, Ketua Pengarah ICU, Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan yang terlibat secara langsung dalam pengurusan bencana.

Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali

Ketua Setiausaha Negara

27 Disember 2021



*KSN Tan Sri Mohd Zuki Ali
mempengerusikan mesyuarat
Task Force banjir pada Isnin.*



*TASK Force banjir melibatkan
pelbagai agensi kerajaan.*

Jika dulu mereka diselamatkan, kini mereka berbakti

Sukarelawan Anjung Kelana turut sama dalam Misi Bantuan Pasca Banjir Kementerian dan agensi di Bukit Changgang dan kini berada di Karak, Bentong, Pahang.

Kalau dulu mereka di selamatkan, kini mereka pula berbakti kepada masyarakat. Terbaiklah! Sukarelawan Anjung Kelana ini bermalam di PKOB Bentong selama 3 hari bagi menjayakan misi ini. Sama-sama kita doakan semoga perjalanan misi ini dipermudahkan.

Peserta Pusat Transformasi Gelandangan Anjung Kelana (PTGAK) tidak ketinggalan dalam menghulurkan bantuan sukarelawan misi bantuan pasca banjir di kawasan Bukit Changgang, Banting.

Hampir 40 orang sukarelawan termasuk kakitangan dan rakan belia Kuala Lumpur bersama-sama melakukan operasi pembersihan pasca banjir di kawasan yang terjejas.





Berhenti salahkan agensi kerajaan, kita perlu bantu kita – NGO

ORANG ramai perlu berhenti daripada menuding jari terhadap agensi penguat kuasa atas dakwaan lambat menyalurkan bantuan di kawasan yang terjejas banjir, sebaliknya perlu sama-sama turun padang membantu mangsa-mangsa yang memerlukan termasuk semasa pasca banjir.

Salah seorang setiausaha Kelab Rukun Tetangga (KRT), Fasa 7, Taman Seri Gombak, Datin Rohana Mustafa, 62, berkata masyarakat tidak boleh menidakkan peranan dimainkan pihak berkuasa selama ini yang bertungkus lumus membantu apabila berdepan dengan sebarang bencana sebelum ini.

“Kawasan yang terlibat dengan banjir kali ini agak besar untuk kita meletakkan tanggungjawab menyelamatkan sepenuhnya kepada pihak berkuasa. Sebaliknya sebagai rakyat, kita perlu sama-sama turun membantu dengan ikhlas dengan mematuhi prosedur yang ditetapkan pihak berkuasa.

“Namun apa yang perhatikan netizen lebih gemar menyalahkan pihak berkuasa seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Angkatan Pertahanan Pertahanan Awam sedangkan mereka sendiri menyambung nyawa meredah arus untuk menyalurkan bantuan.

“Paling menyedihkan apabila ada dalam kalangan anggota penyelamat ini turut terjejas dengan banjir apabila kediaman dinaiki air ketika mereka sedang melakukan usaha menyelamatkan orang ramai,” katanya.

Menurutnya KRT Fasa 7 setakat ini telah menyalurkan pelbagai bantuan seperti makanan kering, telekung, kain batik dan pelikat serta sejadah di kawasan Janda Baik, Pahang; Shah Alam dan Hulu Selangor, Selangor.

Sementara itu Pengasas Team Haq Esports Club Aimanhaq Zaharudin, 22, turut senada dengan Rohana dan sanggup menutup sementara operasi pejabatnya bagi bersama-sama lebih 10 kakitangannya membantu mangsa banjir.

Katanya tanggungjawab membantu mangsa banjir bukan hanya terletak di bahu kerajaan semata-mata sebaliknya harus dipikul bersama-sama oleh rakyat tanpa mengira bangsa dan agama sebagai Keluarga Malaysia.

“Pada masa yang sama, pihak perseorangan atau badan bukan kerajaan (NGO) yang ingin menyalurkan bantuan perlu mematuhi arahan pihak berkuasa untuk mengelak sebarang kesesakan di kawasan bencana sehingga menyukarkan pihak berkuasa untuk melakukan operasi menyelamatkan,” katanya.

Menurutnya sikap saling membantu mereka yang ditimpa musibah termasuk banjir mencerminkan konsep Keluarga Malaysia seperti yang diketengahkan oleh kerajaan.

Aimanhaq yang menggunakan wang poket sendiri dan dana yang dikumpul daripada rakan-rakan lain mula turun padang bagi menyalurkan bantuan sejak 18 Disember lalu bermula di Taman Sri Muda, Selangor dan Temerloh, Pahang. – **WILAYAHKU**



PENGASAS Team Haq Esports Club, Aimanhaq Zaharudin padang membantu mangsa banjir di Taman Sri Muda, Selangor dan Temerloh, Pahang.



SUKARELAWAN KWP dan agensi mengagihkan bakul makanan di PKOB Bentong, Kampung Teroh, Taman Karak Indah dan Taman Wijaya.



MEMBANTU penduduk membersihkan peralatan rumah.

BANTUAN LANJUT UNTUK MANGSA BANJIR

1

REBAT 100% ONE-OFF BIL ELEKTRIK

- Rebat oleh Tenaga Nasional Bhd (TNB) ini **hanya untuk Disember 2021**
- Akan meringankan beban **72,000 pelanggan domestik yang terjejas**



- Namun ini **hanya untuk kediaman** & tidak melibatkan kilang
- TNB juga akan **bantu kediaman milik B40 yang terjejas** apabila bekalan elektrik disambung semula
- Syarikat utiliti itu telah lakukan kerja **pemeriksaan pendawaian percuma** di rumah terjejas banjir di Selangor, Pahang & Kuala Lumpur

4

BANTUAN WANG IHSAN

- Cadangan permohonan dibuat secara dalam talian akan dibincangkan dalam mesyuarat pertama Pasukan Petugas Khas esck (27 Dis)
- Akan dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali

2

PERUSAHAAN OTOMOBIL KEDUA SDN BHD (PERODUA)

Perkhidmatan percuma untuk:

- Servis tunda kenderaan **Perodua** berdasarkan insurans kenderaan itu
- **Membaiki & servis kenderaan** yang dihantar ke pusat servis Perodua
- Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz akan berunding lagi dengan syarikat-syarikat kereta lain seperti Proton untuk beri perkhidmatan yang sama

Alat ganti pula diberikan diskaun **50%**

BAIKI KEROSAKAN KEDIAMAN & INFRASTRUKTUR

3

Peruntukan awal **RM100 JUTA**

bakal ditambah oleh Kerajaan

5

PENUGASAN TENTERA & POLIS

- **332 anggota tentera** dikerah ke Maran, Raub, Temerloh, Jerantut & Kuala Lipis untuk membantu proses pembersihan pascabanjir
- **213 pegawai & anggota polis** turut digerakkan bagi tujuan sama



Sumber: Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semasa meninjau kawasan terjejas banjir di sekitar Hulu Langat, Selangor

Diterbitkan: 26 Dis, 2021
Infografik Bernama



*MEMBANTU penduduk
membersihkan peralatan rumah.*



*BERGAMBAR di Anjung Kelana
sebelum bertolak ke Pahang.*

KERAJAAN TERUS TANGANI KESAN BURUK BANJIR

1

BANTUAN WANG IHSAN

- Untuk mangsa banjir akibat monsun timur laut (MTL)

Ditambah baik berbanding 2020 iaitu:

- Dinaikkan ke RM1,000 daripada RM500 bagi setiap ketua isi rumah (KIR)
- Meliputi semua KIR termasuk yang tidak berpindah ke PPS
- Boleh dituntut setiap kali ditimpa bencana berbanding hanya sekali semasa MTL
- RM10,000 bantuan kematian kepada waris

RM26.9 juta peruntukan awal disalurkan NADMA kepada negeri terjejas



2

PEMULIHAN PASCA BANJIR

Peruntukan awal RM100 juta untuk pembersihan & pembaikan:

- Kawasan perumahan
- Infrastruktur awam

Kerajaan telah longgarkan kaedah perolehan kerja pembaikan infrastruktur & fasiliti awam yang rosak. Garis panduan ini dikeluarkan pada 21 Dis 2021



PPS: Pusat pemindahan sementara
NADMA: Agensi Pengurusan Bencana Negara
BSN: Bank Simpanan Nasional
DRF: Kemudahan Bantuan Bencana
BNM: Bank Negara Malaysia
PKS: Perusahaan kecil & sederhana
PMKS: Perusahaan mikro, kecil & sederhana

Sumber: Tengku Datuk Seri Zefri Tengku Abdul Aziz

3

SKIM MYRINGGIT-I BANJIR OLEH BSN

- Dana RM100 juta
- Pembiayaan sehingga RM10,000 tanpa faedah
- Tempoh bayaran balik sehingga 3.5 tahun / moratorium 6 bulan
- Mohon mulai 27 Dis 2021 di www.bsn.com.my

4

KEMUDAHAN BANTUAN BENCANA (DRF) OLEH BNM

Dana RM500 juta untuk biayai:

- Penggantian peralatan yang rosak akibat banjir
- Modal kerja

Dinaikkan daripada RM200 juta

Pembiayaan sehingga:

- RM500,000 untuk PKS
- RM75,000 untuk PMKS

Kadar pembiayaan hingga 3.5% setahun termasuk kos jaminan

Tempoh pembiayaan sehingga 5 tahun / moratorium 6 bulan

Mohon mulai 27 Dis 2021 di bank-bank komersil



Diterbitkan: 27 Dis 2021
Infografik Bernama



GOTONG-ROYONG membersihkan Taman Tasik Bandar Temerloh oleh pasukan staf Perbadanan Putrajaya.



Etika Malaysia sumbang 40,000 botol melalui Yayasan Almanjie

PRIHATIN dengan nasib yang menimpa mangsa-mangsa banjir di seluruh Malaysia, pelbagai bentuk bantuan telah dilancarkan dengan kadar segera melalui Rakan Strategik di bawah program Foodbank Malaysia ini. Pihak Etika Sdn Bhd, Etika Cares serta produk di bawahnya iaitu Wonda, Calpis, Tropicana, Goodday Milk telah memberi sumbangan sebanyak 40,000 botol buat mangsa banjir yang terkesan di seluruh Malaysia dan telah diagihkan melalui Yayasan AlManjie iaitu Rakan Strategik Utama (RSU) bagi Program Sekretariat Foodbank Malaysia.

Terdahulu, pihak Etika Sdn Bhd telah menyumbang sebanyak 500 ctn bersamaan 12,000 botol minuman yang telah diedarkan segera kepada mangsa-mangsa banjir di sekitar Lembah Klang.

Zuwairi Japri Al-Manjie, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan AlManjie berkata, "Dengan ujian yang melanda negara kita, pihak Sekretariat Foodbank Malaysia memainkan peranan yang utama dengan konsep saluran bantuan melalui pengumpulan barangan makanan dan keperluan daripada penyumbang seperti pasaraya, pengilang, pengusaha makanan mahupun syarikat korporat di serata Malaysia".

"Etika Sdn Bhd telah sekian lama menyokong inisiatif ini sejak pada tahun 2020 lagi dengan menyampaikan pelbagai bentuk sumbangan kepada pihak sekretariat Foodbank Malaysia untuk diagihkan kepada mereka yang memerlukan" ujar beliau.

"Kami ambil berat nasib mangsa-mangsa banjir dan ingin menghulurkan bantuan kepada mereka melalui Etika Cares, sebuah program bantuan jangka panjang oleh Etika. Sebagai sebuah syarikat yang prihatin, kami ingin membantu komuniti yang terkesan dan kami berharap semoga mereka dapat kembali ke rumah mereka secepat mungkin," kata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Etika (Malaysia, Singapura dan Brunei), Khalid Alvi

Sumbangan air minuman ini bersama kit makanan ready to eat telah disampaikan di beberapa tempat yang terjejas teruk di sekitar Lembah Klang iaitu di Hulu Langat, Meru Klang, Seri Muda Shah Alam, UITM Dengkil, serta melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Sepang dan buat penduduk di Mentakab, Pahang. Sumbangan turut diagihkan kepada beberapa persatuan badan bukan kerajaan (NGO) untuk disampaikan kepada mereka yang memerlukan secara terus.

Turut hadir bersama adalah Y.B. Dato' Hj. Rosol Bin Wahid, Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Etika diwakili oleh Mohd Zurairi Bin Mustafa, Pengurus Kanan Perhubungan Kerajaan.

Yayasan AlManjie adalah sebagai Rakan Strategik Utama (RSU) dalam Logistik Pengangkutan dan Pusat Penyimpanan dan Pengagihan untuk Program Food Bank Malaysia di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Dengan keutamaan kepada urusan logistik, proses pengendalian gudang termasuk proses pembelian, penerimaan, dan penyimpanan manakala Yayasan AlManjie mengenal pasti kumpulan sasaran bagi memudahkan pengagihan barangan sumbangan kepada NGO serta Rakan Strategik.

Pusat Penyimpanan dan Pengagihan untuk Program Food Bank Malaysia ini berfungsi untuk mengumpul dan mengagihkan lebih makanan serta keperluan asas kepada yang memerlukan melalui Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk diedarkan kepada kumpulan sasar yang telah ditetapkan.

Bagi memperkasakan fungsi Gudang untuk pengagihan bantuan kepada mangsa banjir, pelbagai kaedah sumbangan yang boleh orang ramai untuk turut serta dan boleh menghantar segala bentuk sumbangan mereka ke tempat berkenaan atau melalui pos/kurier ke alamat : Gudang Foodbank Malaysia, No. 9 Jalan BA 4/1 Kawasan Perindustrian Bukit Angkat, Kajang Selangor Darul Ehsan.

Untuk pertanyaan lanjut, mereka boleh hubungi atau whatsapp ke talian khidmat pelanggan di : 013 – 583 3107.

Sumbangan ini akan disalurkan kepada mangsa banjir di seluruh negara dan akan digerakkan oleh rakan strategik program foodbank Malaysia serta badan NGO yang berkaitan.



GEO Yayasan Al-manjie, Zuwairi Japri (kanan) menunjukkan contoh botol minuman yang akan disumbangkan untuk mangsa banjir kepada Menteri KPDNHEP, Dato' Hj. Rosol Wahid



KEMENTERIAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN

LAPORAN HARIAN

MISI BANTUAN BANJIR
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN BERSAMA AGENSI

BILIK GERAKAN LAPANGAN
MENTAKAB DAN TEMERLOH

27 DISEMBER 2021 (ISNIN)

MISI BANTUAN BANJIR KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN BERSAMA AGENSI
PUSAT KAWALAN OPERASI BANJIR MENTAKAB_ 27 DISEMBER 2021 (ISNIN)

MASA MULA OPERASI	8:00PG	JUMLAH SUKARELAWAN PPj	70
MASA TAMAT OPERASI	6:30PTG	JUMLAH PEKERJA PEMBERSIHAN	20
JUMLAH PEMBERSIHAN / BANTUAN			
PEMBERSIHAN TAMAN AWAM	1	PEMBERSIHAN PASAR AWAM	1
PEMBERSIHAN RUMAH SEJAHTERA	1	PENYERAHAN BAKUL MAKANAN	120

**JENTERA, KELENGKAPAN DAN SUKARELAWAN
PUSAT KAWALAN OPERASI MENTAKAB_ 27 DISEMBER 2021**

BIL	ITEM	JUMLAH
JENTERA PENGANGKUTAN		
1.	LORI	1
2.	PACUAN 4 RODA	20
3.	BOT EJIN	1
4.	FLOATER BOAT	1
5.	ENJIN SANGKUT	1
JENTERA BILIK GERAKAN		
1.	GENERATOR SET	1
JENTERA PEMBERSIHAN		
1.	WATER JET	15
2.	WATER PUMP	2
3.	HOS BIRU	3
KELENGKAPAN / PERALATAN LAIN		
1.	PETROL	5 TONG
SUKARELAWAN / PETUGAS		
1	SUKARELAWAN / PETUGAS PPj	70 ORANG
2.	PEKERJA PEMBERSIHAN	30 ORANG

STATUS PEMBERSIHAN MASJID DAN SURAU

BIL	MASJID / SURAU	STATUS	TARIKH	PERATUS SIAP
1.	MASJID DESA BAKTI	SELESAI	25/12/2021	100%
2.	SURAU TAMAN LANCHANG INDAH	SELESAI	25/12/2021	100%
3.	MASJID KG RAJA	SELESAI	25/12/2021	100%
4.	MASJID KG TEBAL	SELESAI	25/12/2021	100%
5.	SURAU BATU KAPUR BAWAH	SELESAI	26/12/2021	100%
6.	SURAU TAMAN MENTAKAB INDAH	TIDAK DILAKSANAKAN KERANA SURAU AKAN DIROBOHKAN BAGI PEMBANGUNAN BAHARU		
7.	MASJID KG BUKIT LADA	SELESAI	26/12/2021	100%
8.	MASJID KUALA KUANG	SELESAI	26/12/2021	100%
9.	MASJID SRI SEMANTAN	SELESAI	26/12/2021	100%

**STATUS GERAK KERJA PEMBERSIHAN TAMAN DAN KAWASAN AWAM
YANG TERJEJAS TERUK AKIBAT BANJIR**

BIL	MASJID / SURAU	STATUS	TARIKH	PERATUS
1.	TAMAN ESPLANADE TEMERLOH	SELESAI	26/12/2021	100%
2.	KAWASAN AWAM GERAI MPT	SELESAI	26/12/2021	100%
3.	RUMAH SEJAHTERA KG. BANGAU	SELESAI	27/12/2021	100%
4.	PASAR AWAM PUSAT TITIK TENGAH SEMENANJUNG	SELESAI	27/12/2021	100%
5.	TAMAN TASIK BANDAR TEMERLOH	BERJALAN	27/12/2021	60% SAMBUNG 28/12/2021
6.	TAMAN KUBANG GAJAH			

TUPA YB MENTERI WP & ISTERI



TUPA YB MENTERI WP DAN ISTERI



TUPA YB MENTERI WP DAN ISTERI



TUPA YB MENTERI WP & ISTERI



PEMBERSIHAN TAMAN AWAM



PEMBERSIHAN TAMAN AWAM



PEMBERSIHAN RUMAH SEJAHTERA



PEMBERSIHAN RUMAH SEJAHTERA




PENYERAHAN SUMBANGAN BARANGAN ASAS



PENYELARASAN BERSAMA YDP TEMERLOH




NOTA YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN BUKU PELAWAT PKOB TEMERLOH/MENTAKAB



**NOTA YDP MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH (MPT)
BUKU PELAWAT PKOB TEMERLOH/MENTAKAB**

Dengan ingatan yang
ikhsan dan keadilan
serta kasih sayang
pergerakan Putrajaya,
KWP.

You're the best!

Warm wishes,

Jazlyn Binti
Jomali
Yang dipertua
MPTemerloh.